

4 pusat sembelihan ayam diarah tutup

Pekerja premis terdiri daripada warga asing tiada lesen, sijil halal

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.m

Kuala Lumpur: Empat daripada tujuh pusat penyembelihan ayam tiada lesen dan tanpa sijil halal sekitar Bukit Cheras di sini, diarah tutup serta-merta selepas dikesan melakukan pelbagai pelanggaran berkaitan kebersihan, pengenda-

lian sisa dan pematuhan lesen.

Tindakan itu hasil Operasi Bersepadu Pemeriksaan Pusat Penyembelihan Ayam yang dijalankan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bersama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) di Jalan Seme-rah Padi dan Jalan Kuari, Bukit Cheras kelmarin.

Operasi diketuai Timbalan Pengarah Kanan Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL, Dr Nor Halizam Ismail.

“Sebanyak lapan notis dan kompaun dikeluarkan atas pelbagai kesalahan, termasuk penyembelihan tanpa sijil halal dan penyembelih tidak berdaftar, selain premis kotor dan pem-

buangan sisa terus ke longkang serta saliran monsun.

“Lebih membimbangkan, semua pekerja pemprosesan dikenal pasti sebagai warga asing dan premis ini membekalkan ayam ke restoran sekitar Cheras dan ibu kota,” kata DBKL dalam kenyataannya.

Tiada sijil penyembelihan

DBKL berkata, JAWI turut mengesahkan terdapat individu yang menyembelih di premis berkenaan sudah dibatalkan sijil penyembelihan.

Selain itu, semua premis berkenaan gagal mengemukakan bukti pelalian oleh pekerja, kursus pengendalian makanan dan



Operasi Bersepadu Pemeriksaan Pusat Penyembelihan Ayam sekitar Bukit Cheras, Kuala Lumpur.
(Foto FB DBKL)

penyelenggaraan perangkap mi-nyak serta penapis sisa.

“DBKL bersama agensi berkaitan akan terus memperketat tindakan penguatkuasaan dan penyelarasan struktur premis

tanpa kelulusan.

“Kami komited memastikan keselamatan makanan dan kesucian amalan penyembelihan terus terpelihara untuk kesejahteraan warga kota,” katanya.